

## **PROGRAM KICK-OFF PENUNDAAN KENDERAAN TERSADAI DI KUARTERS KERAJAAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 7 MAC 2019** – Berdasarkan siasatan dan rekod, terdapat 207 buah kenderaan tersadai yang terdiri daripada 80 buah kereta dan 127 buah motosikal di sekitar kuarters Kerajaan di Putrajaya. Operasi secara kolaboratif antara BPH dan PPJ ini merupakan kesinambungan daripada operasi yang pernah dilaksanakan bersama-sama sebelum ini dan dibuat sebagai langkah menangani kes-kes kenderaan tersadai dan terbiar di kuarters Kerajaan, sekaligus membolehkan para penghuni kuarters menggunakan kemudahan tempat letak kenderaan yang telah disediakan.

YBrs. Encik Rahimi bin Ismail, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri bersama-sama YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) hari ini memulakan operasi penundaan kenderaan tersadai di sekitar kuarters Kerajaan di Putrajaya bagi tahun 2019.

Sepanjang operasi dijalankan, trak penunda (*tow-truck*) milik PPj akan digunakan bagi mengalihkan kenderaan tersadai dan diletakkan di Depoh Simpanan PPj di Presint 20. Para pemilik kenderaan yang terlibat boleh menuntut semula kenderaan mereka di Bahagian Penguatkuasa di Perbadanan Putrajaya. Sekiranya tiada sebarang tuntutan dibuat, PPj akan melaksanakan proses pelupusan bagi semua kenderaan terlibat.

### **BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH**

**7 Mac 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam | Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri

Tel: 03- 8000 8000 | DL: 03- 8880 0522 | Faks: 03- 8888 3031

Web: [www.bph.gov.my](http://www.bph.gov.my) | FB: Bahagian Pengurusan Hartanah | Email: 80008000@1mocc.gov.my